

VOTE NO: 75014

**RESEARCH ON THE ATTITUDE OF POTENTIAL GROUP
TOWARDS PARTICIPATION IN ELECTION PROCESS: CASE
STUDY IN JOHOR STATE**

**(KAJIAN SIKAP GOLONGAN BERPOTENSI TERHADAP
PENYERTAAN DALAM PROSES PILIHANRAYA: SATU
KAJIAN KES DI NEGERI JOHOR)**

**PROF. MADYA DR. DURRISHAH BT. IDRUS
PN. HAMIDAH BT. AB. RAHMAN
EN. HUSAIN B. MAHMOOD
EN. ISHAK B. MAD SHAH
CIK NORASHIKIN BT. MAHMUD**

**JABATAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA
FAKULTI PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER
MANUSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2004

DEDIKASI

Kepada Semua Penggiat dan Bakal Pemilih Dalam Pilihan Raya Di Malaysia

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini bertujuan mengkaji sebab-sebab golongan berpotensi tidak mendaftar sebagai pengundi pilihan raya. Seramai 209 orang responden yang terdiri daripada warganegara yang berumur 22 tahun hingga 40 tahun di Johor telah terlibat dalam kajian ini. Jawapan soal selidik telah dianalisis menggunakan SPSS. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada profil khusus di kalangan responden yang tidak mendaftar. Mereka terdiri daripada lelaki dan perempuan, pelbagai peringkat umur, pelbagai tahap pendidikan, semua bangsa, agama, dan sama ada tinggal di bandar atau luar bandar. Selain daripada itu, faktor-faktor peribadi, sistem pendaftaran, infrastruktur, dan maklumat telah menyumbang kepada sebab-sebab responden tidak mendaftar. Namun demikian, kajian ini juga mendapati bahawa tahap pengetahuan responden adalah tinggi mengenai kelayakan sebagai pengundi, hak mendaftar, dan tanggungjawab mengundi sebagai warga negara. Selanjutnya, penemuan lain ialah responden mencadangkan lima tempat terbaik pendaftaran iaitu balai raya, kaunter bergerak, pejabat pos, balai penghulu, dan pejabat SPR. Majoriti responden bersetuju bahawa mereka akan mendaftar sebagai pemilih kelak.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	HALAMAN JUDUL	
	HALAMAN PENGAKUAN	
	DEDIKASI	
	ABSTRAK	
	KANDUNGAN	
	SENARAI JADUAL	
	SENARAI SIMBOL/SINGKATAN	
BAB 1	PENDAHULUAN	1
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Pernyataan Masalah	1
	1.2 Persoalan Kajian	3
	1.3 Matlamat Kajian	4
	1.4 Objektif Kajian	4
	1.5 Skop Kajian	4
	1.6 Definisi Konseptual dan Operasional	5
	1.6.1 Pilihan Raya	5
	1.6.2 Golongan Berpotensi	5
	1.6.3 Sikap	5
BAB II	KAJIAN LITERATUR	7
	2.0 Pengenalan	7
	2.1 Latar Belakang Pilihan Raya	7
	2.1.1 Fungsi Pilihan Raya	8
	2.1.2 Proses Pilihan Raya	9

2.1.3	Perjalanan Pilihan Raya	13
2.1.4	Perbezaan Pilihan Raya di Malaysia Dan Luar Negara	15
2.2	Teori Pilihan Raya	15
2.2.1	Teori Sistem Politik	15
2.2.2	Teori Patriarkal dan Matriarkal	17
2.2.3	Teori Perjanjian Masyarakat/ Teori Kontrak Sosial	18
2.2.4	Parti Politik	22
2.2.5	Budaya Politik	23
2.3	Kajian Lepas	23
2.4	Rumusan	24
BAB III	METODOLOGI KAJIAN	25
3.0	Pengenalan	25
3.1	Reka Bentuk Kajian	25
3.2	Subjek Kajian dan Tempat Kajian	25
3.3	Instrumen Kajian	26
3.4	Prosedur Menjalankan Kajian	28
3.5	Kajian Rintis	29
3.6	Penganalisan Data	29
BAB IV	KEPUTUSAN KAJIAN	30
4.0	Pendahuluan	30
4.1	Demografi Subjek Kajian	30
4.2	Faktor-faktor Tidak Mendaftar	32
4.2.1	Faktor Peribadi	32
4.2.2	Faktor Sistem Pendaftaran	33
4.2.3	Faktor Infrastruktur	34
4.2.4	Faktor Maklumat/Insformal	35

4.3	Tahap Kesedaran Golongan Berpotensi Tidak Mendaftar	36
4.3.1	Faktor Pengetahuan	37
4.3.2	Faktor hak	38
4.3.3	Faktor Tanggungjawab	39
4.4	Kaedah Pendaftaran Terbaik	39
4.4.1	Tempat	40
4.4.2	Cara Mendaftar	41
BAB V	PERBINCANGAN	44
5.0	Pengenalan	44
5.1	Objektif Pertama	44
5.2	Objektif Kedua	45
5.3	Objektif Ketiga	46
5.3.1	Pengetahuan	46
5.3.2	Hak	46
5.3.3	Tanggungjawab	47
5.4	Objektif Keempat	47
5.5	Objektif Kelima	49
5.6	Cadangan	50
BIBLIOGRAFI		51

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN

MAKSUD

SPR	Suruhanjaya Pilihan Raya
SMS	<i>Short Message Sending/Sistem Pesanan Ringkas</i>
YDPA	Yang Di Pertuan Agong
PAS	Parti Islam SeMalaysia
KeADILan	Parti Keadilan Nasional
DAP	<i>Democratic Action Party</i>
SPSS	<i>Satistical Package for Social Science</i>

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Pembahagian Subjek Kajian Mengikut Daerah di Negeri Johor	26
3.2	Bilangan Dalam Soal Selidik	26
4.1	Taburan Demografi Responden	31
4.2	Taburan Sebab-sebab Tidak Mendaftar Mengikut Faktor Peribadi	32
4.3	Taburan Sebab-sebab Lain Bagi Faktor Peribadi	33
4.4	Taburan Jawapan Bagi Faktor Sistem Pendaftaran	33
4.5	Taburan Sebab-sebab Lain Bagi Faktor Sistem Pendaftaran	34
4.6	Taburan Jawapan Bagi Faktor Infrastruktur	34
4.7	Sebab-sebab Lain Tidak Mendaftar Bagi Faktor Infrastruktur	34
4.8	Taburan Faktor Maklumat / Informasi	35
4.9	Taburan Sebab-sebab Tidak Mendapat Maklumat / Informasi	36
4.10	Taburan Jawapan Bagi Faktor Pengetahuan	37
4.11	Taburan Jawapan Bagi Faktor Hak	38
4.12	Taburan Jawapan Bagi Faktor Tanggungjawab	39
4.13	Taburan Kekerapan, Peratus dan Skor Min Bagi Tempat Untuk Mendaftar	40
4.14	Tempat-tempat Lain Yang Dicadangkan Oleh Responden Untuk Tempat Pendaftaran	41

4.15	Taburan Kekerapan, Peratus Dan Skor Min Bagi Cara-cara Sedia Ada	41
4.16	Taburan Kekerapan, Peratus Dan Skor Min Bagi Cadangan Cara Lain	42
4.17	Cadangan Lain Untuk Cara Mendaftar Sebagai Pemilih	43

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Ciri utama bagi sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen ialah mengadakan pilihan raya bebas. Tujuan utama mengadakan pilihan raya ialah supaya rakyat dapat menggunakan hak mereka untuk memilih kerajaan yang akan memerintah. Parti politik yang paling banyak mendapat undi dalam pilihan raya diberi mandat membentuk kerajaan. Kerajaan yang dipilih ini diharapkan dapat memenuhi hasrat dan kehendak rakyat.

Namun begitu, masih ramai lagi rakyat negara ini mengabaikan tanggungjawab sebagai pengundi. Dengan perkataan lain, terdapat ramai rakyat negara ini tidak mengundi dalam proses pilihanraya. Inilah yang menjadi objektif kepada kajian ini.

1.1 Pernyataan Masalah

Pada hari ini masyarakat Malaysia boleh disifatkan, sudah mula memahami apakah itu politik dan sistem politik tanahair. Justeru, penyertaan masyarakat khususnya golongan berpotensi (22 hingga 40 tahun), dalam politik seperti pilihan raya memberikan kesan yang signifikan dalam perjalanan politik tanahair. Namun,

sikap dan kesedaran mereka masih belum mencukupi dan harus dipertingkatkan serta diperkukuhkan.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) telah menyatakan bahawa terdapat 1.7 juta rakyat Malaysia yang layak mengundi tetapi tidak mendaftar sebagai pemilih. Daripada jumlah itu, 1.1 juta merupakan orang Melayu. Oleh itu, kempen secara agresif menerusi papan tanda yang menarik, iklan berbayar di televisyen atau radio, khidmat pesanan ringkas (SMS), laman web dan sebagainya akan menimbulkan kesedaran yang lebih jitu di kalangan rakyat tentang pentingnya mendaftar sebagai pengundi (Berita Harian, 4 Mac 2004). Sesungguhnya, mengundi ialah proses penting dalam sistem pemerintahan demokrasi dan rakyat berperanan menentukan hala tuju negara.

Pendaftaran pemilih merupakan proses yang telah termaktub dalam Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Pendaftaran Pemilih) 1971 yang antara lain, memberi peluang kepada warganegara yang berkelayakan mendaftar sebagai pengundi. Proses pendaftaran adalah penting kerana ia adalah sebahagian daripada syarat yang membolehkan setiap warganegara untuk mengundi dalam sesuatu pilihanraya. Walau bagaimanapun, kelayakan mendaftar ini adalah tertakluk kepada beberapa syarat yang utama iaitu terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan ke atas serta bermastautin di dalam sesuatu bahagian pilihan raya.

Namun begitu, akhir-akhir ini sebagaimana yang telah dijelaskan antara masalah yang dihadapi oleh pihak SPR ialah kelembapan dalam pendaftaran pemilih. Hal ini jelas kelihatan apabila Pengerusi SPR, Tan Sri Dato' Abdul Rashid bin Abdul Rahman mengatakan bahawa berdasarkan bancian penduduk pada tahun 2000, daripada 12,133,639 orang rakyat berusia 21 tahun dan ke atas hanya terdapat 9,986,023 orang yang mendaftar sebagai pemilih dan bakinya 2,147,616 orang lagi tidak mendaftar sebagai pemilih (Berita Harian, 10 Julai 2002).

Lantaran itu, pada 16 Julai 2002, SPR dengan kelulusan Parlimen telah mengambil keputusan untuk melancarkan sistem pendaftaran pemilihan sepanjang tahun dengan tujuan memberikan kemudahan kepada ahli masyarakat untuk mendaftar nama mereka sebagai pemilih. Untuk memenuhi tujuan tersebut pejabat-pejabat pos di seluruh negara telah dijadikan medium untuk membolehkan orang ramai mendaftar sebagai pemilih. Kaunter khas disediakan dan dibuka sepanjang waktu perkhidmatan pos.

Kesimpulannya, tahap kesedaran masyarakat khususnya golongan berpotensi (22 hingga 40 tahun) dalam pilihan raya iaitu mendaftar dan memilih sebagai pengundi masih berada pada tahap yang rendah. Justeru, pelbagai inisiatif haruslah digembeling ke arah meningkatkan tahap kesedaran di kalangan mereka dan semua pihak haruslah bahu membahu bagi menjayakan usaha tersebut.

1.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, beberapa persoalan kajian telah dikenalpasti untuk dikaji:

1. Apakah profil golongan berpotensi (22 hingga 40 tahun) yang tidak berdaftar sebagai pengundi?
2. Apakah sebab-sebab golongan berpotensi ini tidak mendaftar sebagai pengundi?
3. Apakah tahap kesedaran golongan berpotensi terhadap proses pilihan raya?
4. Apakah kaedah pendaftaran pemilih yang terbaik golongan berpotensi?
5. Apakah hubungan antara sikap dengan profil golongan berpotensi.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengetahui sebab golongan berpotensi tidak mendaftar sebagai pengundi pilihan raya.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah:

- i. Menenalpasti profil golongan berpotensi (22 hingga 40 tahun) belum mendaftar sebagai pengundi.
- ii. Menenalpasti faktor-faktor yang menyebabkan golongan berpotensi tidak mendaftar sebagai pengundi.
- iii. Mengkaji tahap kesedaran golongan berpotensi ini terhadap hak-hak mereka sebagai pengundi.
- iv. Menenalpasti kaedah pendaftaran pemilih yang terbaik mengikut persepsi golongan berpotensi.
- v. Mengkaji hubungan antara sikap dan profil responden.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini bertujuan untuk menenalpasti faktor-faktor golongan berpotensi (berusia 22 – 40 tahun) tidak mendaftar sebagai pengundi pilihan raya. Seramai 200 orang golongan berpotensi yang masih belum mendaftar sebagai pengundi pilihan raya dipilih sebagai subjek kajian. Mereka ini dipilih dari kelapan-lapan daerah Negeri Johor iaitu Muar, Segamat, Batu Pahat, Kluang, Mersing, Kota Tinggi, Johor Bahru dan Pontian. Mereka ini dikehendaki mengisi satu soalselidik yang bertujuan untuk mendapatkan data sebab-sebab mereka ini tidak mendaftar.

1.6 Definisi Konseptual dan Operasional

1.6.1 Pilihan Raya

Pilihan raya ialah pemilihan umum ke atas seseorang untuk sesuatu jawatan dan pemilihan ini dibuat menerusi undi sesebuah perkumpulan atau konstituen berperlembagaan. Pilihan raya melibatkan dua pihak iaitu orang yang dipilih dan kumpulan pemilih. Ini bermakna pilihan raya melibatkan perbuatan memilih sesuatu atau seseorang untuk sesuatu jawatan atau kedudukan yang dilakukan secara terbuka oleh sekumpulan orang. Pilihan raya tidak semestinya dikaitkan dengan politik kecuali pemilihan yang bercorak politik. Dalam kajian ini pilihan raya adalah merujuk kepada proses memilih ahli-ahli Dewan Perundangan iaitu Dewan Rakyat dan Dewan Negeri yang diadakan lima tahun sekali di Malaysia.

1.6.2 Golongan Berpotensi

Golongan berpotensi merujuk kepada siapakah yang layak untuk mendaftar sebagai pengundi. Golongan berpotensi mestilah memenuhi beberapa kriteria iaitu warganegara Malaysia, berumur 21 tahun dan bermastautin di dalam sesuatu Bahagian Pilihan Raya (<http://www.spr.gov.my>). Golongan berpotensi bagi kajian ini adalah mereka yang berumur 22 hingga 40 tahun yang belum lagi mendaftar sebagai pengundi pilihan raya.

1.6.3 Sikap

Sikap dapat ditakrifkan sebagai satu peringkat mental yang kompleks yang melibatkan kepercayaan dan perasaan, nilai dan juga kedudukan untuk berhubung atau bertindak mengikut sesuatu cara. Sikap juga dapat didefinisikan sebagai kesediaan untuk memberi respon kepada objek psikologi mengikut tahap kegemaran dan kecenderungan (Thurstone, 1931). Menurut Fishbein dan Ajzen, 1975, sikap merupakan *learned predisposition* untuk respon dalam keadaan kelakuan yang

digemari atau tidak digemari. Manakala definisi terakhir oleh Eagly and Chaiken, 1993, sikap merupakan kecenderungan psikologi yang dijana menerusi penilaian sesuatu entiti dengan darjah yang digemari atau sebaliknya. Berdasarkan kajian ini, sikap merujuk kepada ksediaan, keterbukaan dan penerimaan golongan berpotensi terhadap penglibatan dalam proses pilihan raya.

BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan beberapa aspek yang berkaitan dengan sistem politik dan pilihan raya di Malaysia. Ia turut membincangkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negara yang berkaitan dengan sistem politik dan pilihan raya. Turut dibincangkan dalam bab ini ialah teori sistem politik.

2.1 Latar Belakang Pilihan Raya

Pilihan raya dikendalikan oleh sebuah badan bebas yang dikenali sebagai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). SPR ditubuhkan pada 4 September 1957 mengikut Perkara 113 dan 114 Perlembagaan Persekutuan. Ianya mengandungi seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tiga orang ahli. Ahli-ahli SPR dilantik oleh Yang diPertuan Agong (YDPA) setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja. Selain objektif penubuhan SPR ialah memelihara, mengawasi dan mengekalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen di Malaysia menerusi pilihan raya yang adil dan saksama, fungsi-fungsi lain SPR ialah (<http://www.spr.gov.my>):

2.1.1 Fungsi Pilihan Raya

Antara fungsi-fungsi pilihan raya ialah:

1. Cara rakyat memilih dan mengawal wakil-wakil mereka. Walaupun proses ini sangat kompleks dan ada yang berhujah bahawa rakyat setakat memilih calon-calon yang telah ditentukan oleh parti-parti politik, namun fungsi ini masih bererti dalam sistem demokratik. Dalam erti kata lain rakyat boleh memilih antara calon-calon alternatif yang bertanding. Kawalan ke atas wakil ini juga mengambil bentuk kuasa pengundi untuk menarik balik sokongan mereka kepada wakil (atau parti) dalam pilihan raya yang akan datang.
2. Sebagai saluran penyertaan politik untuk masyarakat dan melaluinya boleh menimbulkan perasaan kekitaan dan perkongsian, perasaan menganggotai sesuatu sistem politik dan perasaan tanggungjawab terhadap peraturan-peraturan, dasar-dasar dan perjalanan sistem politik itu.
3. Sebagai satu bentuk komunikasi antara yang memerintah dengan yang diperintah dan melaluinya memungkinkan pembuat-pembuat dasar berasa sensitive dan responsive kepada tuntutan-tuntutan politik.
4. Untuk mengesahkan mereka yang memegang kuasa. Melalui pilihan raya pemerintah boleh mendakwa dirinya sah dalam erti kata ianya diterima oleh rakyat. Tidaklah memeranjatkan, umpamanya, bahawa ketua-ketua tentera yang merampas kuasa di Greece pada tahun 1967 terus mengadakan pilihan raya pada tahun 1968. Begitu juga dengan Iran pada tahun 1979 selepas Ayatollah Khomeini merampas kuasa daripada Syah Pahlavi atau dengan rejim-rejim tentera – Autokratik seperti rejim Zia ul Haq di Pakistan, Hussain Mohd Ershad di Bangladesh atau Ferdinand Marcos di Filipina. Mulai awal 1991, dengan runtuhnya kekuasaan dan kesahan parti-parti komunis yang memerintah Soviet Union dan negara-negara Eropah Timur, agenda

politik terpenting di negara-negara tersebut ialah mengadakan pilihan raya untuk mendapatkan pemerintah yang diterima oleh rakyat.

2.1.2 Proses Pilihan Raya

Proses pilihan raya melibatkan perkara-perkara berikut:

- a. Bahagian pilihan raya yang hendak dipertandingkan.

Bahagian-bahagian pilihan raya yang hendak dipertandingkan telahpun dipersempadankan oleh SPR, samada bahagian parlimen mahupun bahagian negeri. Bagi setiap buah negeri senarai penuh nama-nama bahagian parlimen dan negeri bagi setiap buah negeri beserta dengan nombor kod tiap-tiap bahagian pilihan raya adalah seperti yang akan ditetapkan oleh SPR. Belah bahagi daerah mengundi dan persempadanan semula bahagian pilihan raya dilakukan dalam tempoh empat bulan. Urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihanraya dalam tempoh 8 bulan (tidak melebihi 2 tahun).

- b. Daftar pemilih yang hendak digunakan

Daftar pemilih merujuk kepada daftar pemilih yang terakhir disahkan oleh SPR. Daftar pemilih yang digunakan disediakan khas dalam format yang boleh difahami oleh semua pihak. Data pemilih yang disusun, disemak dan dicetak dengan kemas dan teratur, boleh dibeli mengikut bahagian-bahagian pilihan raya yang hendak dipertandingkan.

Antara fungsi SPR dalam melaksanakan pendaftaran pemilih pilihan raya adalah:

- i. Menyempurnakan proses pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih dalam tempoh 6 bulan.

- ii. Menerima dan memproses setiap borang permohonan pendaftaran dalam tempoh 5 minit.
- iii. Menyemak nama di dalam daftar pemilih dalam masa 2 minit.
- iv. Membuka sekurang-kurangnya satu pusat pendaftaran bagi setiap daerah mengundi kecuali di kawasan bandar.
- v. Menyelesaikan kes-kes tuntutan dan bantahan dalam tempoh 1½ bulan.

Daftar Pemilih Semasa

“Daftar pemilih semasa” adalah daftar pemilih yang terakhir disahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya untuk diterima pakai dalam sebarang pilihan raya yang berlangsung selepas pengesahan daftar berkenaan atau bagi sebarang tugas Suruhanjaya Pilihan Raya seperti penyemakan dan gerakan pendaftaran pemilih atau penyusunan semula daerah-daerah mengundi, lokaliti dan sebagainya. Pengesahan ini diwartakan dan berkuatkuasa sehingga warta itu dibatalkan. Suruhanjaya Pilihan Raya juga membuat pengumuman menerusi media massa setiap kali sesuatu daftar pemilih itu disahkan untuk diterima-pakai.

Antara fungsi dalam melaksanakan pendaftaran pemilih adalah:

- i. Menyempurnakan proses pendaftaran pemilih dan penyemakan daftar pemilih dalam tempoh 6 bulan.
- ii. Menerima dan memproses setiap borang permohonan pendaftaran dalam tempoh 5 minit.
- iii. Menyemak nama di dalam daftar pemilih dalam masa 2 minit.
- iv. Membuka sekurang-kurangnya satu pusat pendaftaran bagi setiap Daerah Mengundi kecuali di kawasan bandar.
- v. Menyelesaikan kes-kes tuntutan dan bantahan dalam tempoh 1 ½ bulan.

c. Tempat penamaan calon

Tempat penamaan calon akan diumumkan oleh SPR menerusi notis yang akan disiarkan oleh pegawai SPR. Siaran juga dibuat melalui media massa. Penamaan calon hanya boleh dibuat di tempat yang ditetapkan oleh pihak SPR.

d. Tempat pembuangan undi

Tempat membuang undi diberitahu melalui notis yang ditampal di tempat-tempat awam. Tempat-tempat membuang undi perlu dinyatakan khas bagi tujuan itu dan tempat-tempat itu adalah diwartakan. Tempat mengundi tidak boleh ditukar ganti melainkan dengan kebenaran SPR. Ia disediakan sehari sebelum tarikh pembuangan undi dan diistiharkan sebagai kawasan larangan.

e. Tempat pengiraan undi

Pengiraan di tempat mengundi dilakukan sekiranya terdapat kemudahan bagi semua undi dikira di tempat berkenaan, seperti lampu elektrik, kawalan keselamatan yang sesuai dan sebagainya tetapi jika tidak ada kemudahan tersebut maka undi akan dikira di tempat khas tidak jauh dari tempat pembuangan undi dan tempat pengiraan ini akan diberitahu melalui notis yang dikeluarkan sebelumnya.

f. Tempat penjumlahan dan pengistiharan keputusan

Tempat penjumlahan dan pengistiharan keputusan akan disediakan oleh pegawai pengurus pilihan raya mengikut bahagian pilihan raya yang berkenaan. Di tempat inilah juga keputusan akan diumumkan selepas penjumlahan undi selesai. Calon-calon, wakil-wakil calon dan orang kenamaan tempatan akan dijemput untuk hadir di tempat berkenaan bagi menerima keputusan.

g. Penyiaran warta mengenai keputusan pilihan raya

Segala keputusan pilihan raya akan disiarkan dalam masa sebulan selepas tamatnya pilihan raya. Sedikit masa diberikan kepada semua calon untuk membayar kesemua bil dan menyediakan penyata perbelanjaan pilihan raya masing-masing kerana setelah disiarkan keputusan, petisen pilihan raya boleh dikemukakan kepada SPR. Oleh itu amatlah penting pada ketika itu semua perbelanjaan pilihan raya telah dikemukakan kepada SPR.

h. Penyata akaun perbelanjaan calon

Calon-calon hendaklah mengemukakan penyata akaun masing-masing dalam tempoh 31 hari selepas keputusan pilihan raya disiarkan. Penyata ini adalah keperluan undang-undang dan hendaklah dipatuhi. Kegagalan seorang calon mengemukakan penyata akan menjejaskan peluang untuk bertanding pada masa akan datang.

i. Petisen pilihan raya

Petisin pilihan raya hendaklah dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi dalam masa 21 hari selepas keputusan pilihan raya diwartakan. Petisen pilihan raya adalah satu tindakan yang boleh diambil oleh orang-orang berikut:

- i. Calon atau agen pilihan raya
- ii. Pengundi berdaftar di dalam bahagian pilihan raya yang terlibat.

Petisen boleh dikemukakan atas alasan berikut:

- i. Calon yang menang atau agennya adalah orang yang hilang kelayakan untuk bertanding dalam pilihan raya.
- ii. Sogokan dan Rasuah.

- iii. Salah laku pegawai atau kakitangan pilihan raya atau perbuatan yang tidak menepati undang-undang.
 - iv. Pelbagai perbuatan pegawai atau calon atau agen yang boleh ditafsirkan sebagai perbuatan yang menyalahi undang-undang.
- k. Penyimpanan dan pelupusan dokumen-dokumen pilihan raya.

Dokumen-dokumen pilihan raya disimpan oleh pegawai pengurus dan pejabat pilihan raya negeri selama 6 bulan secara rahsia. Dokumen-dokumen yang terlibat adalah:

- i. semua kertas undi yang telah digunakan.
- ii. Sampul-sampul yang mengandungi kertas undi ganti.
- iii. Senarai pengundi pos dan keratin kertas undi pos.
- iv. Kertas undi yang lebih.

Pejabat pilihan raya negeri akan menyimpan keratan kertas undi yang telah digunakan dan daftar pemilih yang digunakan di tempat mengundi. Dokumen-dokumen ini tidak boleh dibuka melainkan atas perintah mahkamah sebelum tempoh 6 bulan. Selepas tempoh 6 bulan dokumen-dokumen akan dimusnahkan.

2.1.3 Perjalanan Pilihan Raya

Mengikut perlembagaan persekutuan perkara 113, perjalanan pilihan raya hendaklah dilaksanakan seperti berikut:

1. Maka hendaklah asas suatu Suruhanjaya Pilihan Raya yang ditubuhkan mengikut Perkara 114, dan yang akan menjalankan pilihan raya bagi Dewan Rakyat dan Dewan Negeri serta menyediakan dan menyemak daftar-daftar pemilih untuk pilihan raya itu tertakluk kepada peruntukan undang-undang persekutuan.

2.
 - i. Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah, dari masa ke semasa, sebagaimana difikirkan perlu, mengulangkaji pembahagian Persekutuan dan Negeri-negeri kepada bahagian-bahagian pilihan raya dan mengesyorkan apa-apa perubahan sebagaimana difikirkan perlu supaya mematuhi peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam jadual Ketiga Belas; dan ulangkajian bahagian-bahagian pilihan raya itu bagi maksud pilihan raya Dewan-dewan Undangan hendaklah dijalankan serentak dengan ulangkajian bahagian-bahagian pilihan raya bagi maksud pilihan raya ke Dewan Rakyat.
 - ii. Maka hendaklah ada had tempoh tidak kurang dari lapan tahun antara tarikh siapnya satu-satu ulangkajian dengan tarikh bermulanya ulangkajian yang kemudian di bawah fasal ini.
 - iii. Ulangkajian

Antara perkara yang diberi perhatian semasa melaksanakan perjalanan pilihan raya adalah:

- i. Menyediakan sekurang-kurangnya satu pusat pengundian bagi setiap daerah mengundi.
- ii. Menentukan satu tempat mengundi dapat menampung tidak lebih dari 700 pemilih.
- iii. Memastikan masa mengundi bagi setiap pemilih tidak melebihi 5 minit sebaik-baik sahaja pemilih memasuki tempat mengundi.
- iv. Memberi keutamaan dan keselesaan kepada pemilih-pemilih yang cacat dan kurang upaya.
- v. Memastikan proses pengiraan undi di tempat mengundi dapat diselesaikan dalam tempoh 2 jam selepas pengundian ditutup.

2.1.4 Perbezaan Pilihan raya di Malaysia dan Luar Negara

Proses pilihan raya yang dilaksanakan di Amerika Syarikat melibatkan pemilihan calon, pendaftaran pemilih dan juga prosedur memilih serta mengundi. Sistem politik di Amerika Syarikat melibatkan kewujudan dua parti yang utama iaitu parti Demokratik dan juga Republikan. Kempen-kempen pilihan raya khususnya penamaan calon dijalankan dengan lebih baik kerana menggunakan kemudahan ICT. Prosedur pengundian memperlihatkan setiap calon yang bertanding mestilah mempunyai pengaruh dan kredibiliti yang kukuh (Scholastic Inc. 2004).

Tidak terdapat banyak perbezaan antara proses pilihan raya di Malaysia dan di luar negara khususnya Amerika Syarikat. Sistem pilihan raya di Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di mana rakyat diberi kebebasan untuk memilih pucuk pimpinan mereka sendiri. Segala keputusan terletak di tangan rakyat. Ini berbeza dengan apa yang berlaku di luar negara di mana ia tidak mengamalkan sistem demokrasi berparlimen. Rakyat tidak mempunyai kebebasan sepenuhnya dalam menentukan pucuk pimpinan negara.

2.2 Teori Pilihan Raya

2.2.1 Teori Sistem Politik

Model sistem politik ini dipelopori oleh Easton (1965) antara lain bertujuan menjelaskan hubungan di antara tuntutan masyarakat dan kuasa membuat keputusan oleh pemerintah. Secara asasnya, model ini membincangkan empat komponen iaitu input, transformasi (sistem politik), output, alam sekeliling dan mklum balas.

- i. Input. Input bermaksud sebarang perkara yang akan memasuki sistem politik. Input boleh didapati dalam banyak bentuk seperti input fizikal dan bukan fizikal. Input-input fizikal terdiri daripada buruh, modal, kewangan, jentera dan sebagainya. Manakala input bukan fizikal ialah buah fikiran, tuntutan,

rayuan, idea, pendapat, rungutan dan lain-lain. Dalam konteks system politik, input boleh datang dalam bentuk sokongan kepada sistem politik. Misalnya, pematuhan kepada undang-undang, pembayaran cukai, undi, ketaatan dan lain-lain. Sokongan ini akan memperkukuhkan sistem politik. Kedua, input yang terdapat dalam bentuk tuntutan. Tuntutan ini dibuat oleh masyarakat kepada system politik bagi memenuhi kepentingan mereka. Misalnya, tuntutan untuk mendapatkan bantuan pendidikan, pertanian, perumahan dan lain-lain. Tuntutan ini boleh dilakukan secara individu dan berkumpulan. Pada kebiasaannya tuntutan berkumpulan yang lebih terurus akan dapat meluahkan perasaan dan menuntut kepentingan dengan lebih berkesan.

- ii. Transformasi. Tanpa transformasi input tetap tidak akan berubah. Transformasi akan mengubah input untuk menghasilkan sesuatu keputusan. Dalam konteks sistem politik, proses transformasi akan melibatkan pengelasan, perancangan, koordinasi dan kawalan. Semua input yang masuk akan dinilai, ditapis dan sebagainya dengan tujuan ia dapat memberi manfaat kepada system keseluruhannya. Faktor-faktor seperti kecekapan, keberkesanan, amanah dan sebagainya yang perlu ada pada sesuatu sistem politik itu akan memainkan peranan kerana dari proses inilah akan lahirnya keputusan.
- iii. Output. Output boleh didapati dalam pelbagai bentuk seperti produk, perkhidmatan, keuntungan, kepuasan dan sebagainya. Output tidak hanya terhad kepada perkara-perkara positif sahaja, ia turut merangkumi perkara-perkara negative. Dari sudut sistem politik, output merupakan hasil daripada tuntutan yang dibuat oleh ahli masyarakat kepada sistem politik. Tuntutan ini boleh berupa positif atau sebaliknya bergantung bagaimana ia diproses. Keputusan-keputusan politik seperti keputusan Jemaah Menteri, perundangan, kehakiman, pilihan raya dan sebagainya merupakan bentuk output yang sering diterima oleh rakyat.
- iv. Alam Sekeliling. Alam sekeliling ini boleh terbahagi kepada dua. Pertama alam sekeliling dalaman dan kedua alam sekeliling luaran. Alam sekeliling dalaman merujuk kepada persekitaran dalaman sesebuah negara. Ia terbina

dengan komponen-komponen tersendiri seperti kebudayaan, status, struktur masyarakat dan sebagainya. Manakala alam sekeliling luaran merujuk kepada alam sekeliling yang datang daripada luar (arena politik antarabangsa).

- v. **Maklumbalas.** Maklumbalas merupakan tindak balas yang timbul hasil dari output (keputusan-keputusan). Keputusan-keputusan yang telah dibuat akan ditafsir oleh masyarakat. Masyarakat akan menerima keputusan tersebut dan menyesuaikan dengan persekitaran semasa. Keputusan yang tidak sesuai dengan persekitaran akan menggugat sistem kerana masyarakat tidak akan menyokong sistem jika apa yang mereka inginkan tidak tercapai. Justeru itu, maklumbalas yang diterima akan berbentuk negatif. Dari segi politik, tindakbalas rakyat dapat dilihat dalam beberapa bentuk iaitu protes, gerakan revolusi, mengundi parti lawan dan sebagainya.

2.2.2 Teori Patriarkal dan Matriarkal

Ramai ahli antropologi telah membuktikan bahawa keluarga merupakan unit sosial yang paling utama dalam menegakkan dan meneruskan segala tradisi, peraturan dan kebijaksanaan sezaman. Seperti yang dinyatakan oleh R.M. Maclver, Institusi keluarga sememangnya memperkenalkan segala peraturan dan pengawalan yang seolah-olah serupa dengan yang diperkenalkan oleh sesebuah negara. Beliau juga menyatakan bahawa keluarga merupakan institusi yang paling penting dalam meneruskan dan menjaga kepentingan masyarakat keseluruhannya.

2.2.3 Teori Perjanjian Masyarakat/Teori Kontrak Sosial

Teori perjanjian masyarakat ini diperkenalkan oleh tiga tokoh pemikir politik, iaitu Thomas Hobbes, John Locke dan Jean Jacques Rousseau (dalam K. Ramanathan, 1992). Secara ringkas, teori perjanjian masyarakat mengandaikan bahawa negara wujud kerana manusia sedar bahawa mereka perlu hidup masyarakat kerana keadaan hidup dalam keadaan semulajadi kurang bahagia. Atas kesedaran ini manusia telah bersetuju mengadakan suatu perjanjian untuk mewujudkan negara yang sedikit sebanyak dapat menjamin kehidupan yang sejahtera. Menurut teori ini sebelum wujudnya negara, manusia tidak mempunyai sebarang pertubuhan atau organisasi untuk mengendalikan kehidupan rakyat.

Menurut teori perjanjian masyarakat, sejarah manusia dapat dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama dikenali sebagai keadaan semula jadi (*state of nature*). Dalam fasa ini manusia dipercayai tidak mempunyai kerajaan atau undang-undang untuk mengendalikan segala urusan kehidupan rakyat. Dalam keadaan sedemikian, tidak ada pihak tertentu yang berwibawa ataupun untuk menguruskan pemerintahan. Ini juga bererti bahawa tidak ada kerajaan akan pihak tertentu yang merangka, meluluskan dan menguatkuasakan undang-undang. Namun demikian, dalam keadaan semula jadi, manusia dikatakan dipengaruhi oleh peraturan semulajadi. Fasa kedua pula bermula apabila manusia mula menyedari ketidaksempurnaan hidup tanpa negara. Atas kesedaran ini manusia pula akan memikirkan cara-cara untuk mewujudkan kehidupan yang tetib dan teratur.

Menurut golongan teoris perjanjian masyarakat, institusi yang baik dan berkesan untuk menjaga kepentingan semua rakyat ialah negara. Para pemikir politik yang mempelopori teori perjanjian masyarakat mengakui bahawa negara adalah satu institusi yang dicipta oleh manusia, iaitu negara diwujudkan ekoran satu perjanjian. Walaupun diringkaskan sebab-sebab yang mengakibatkan negara wujud, ketiga-tiga pemikir politik mempunyai jawapan tersendiri tentang keputusan manusia menubuhkan negara. Antara perbezaan yang nyata adalah tertumpu kepada persoalan mengapakah manusia mewujudkan negara? Siapakan yang menganggotai 'perjanjian' yang kemudiannya mengakibatkan kewujudan negara? Apakah syarat-syarat perjanjian tersebut?

Hobbes mengandaikan bahawa corak pemerintahan yang dikendalikan oleh rakyat adalah kurang berkesan dalam menjamin kesejahteraan. Sebagai alasan Hobbes telah mengemukakan pendapat yang agak kontroversial. Beliau mengatakan bahawa dalam keadaan semulajadi manusia hidup aman dan makmur, tetapi kerana desakan keadaan ia dipengaruhi oleh perasaan peribadi. Manusia tidak mahu mendengar ataupun tunduk kepada kehendak orang lain. Oleh yang demikian, mereka saling bersaing dengan orang lain. Mereka tidak mempunyai hukum atau peraturan yang dibuat secara sukarela. Dalam keadaan sedemikian, mereka bertindak sesuka hati ikatan di antara individu-individu di dalam masyarakat. Seperti ditegaskan oleh Thomas Hobbes, manusia sentiasa hidup dalam keadaan ketakutan kerana dalam keadaan semulajadi tiap-tiap manusia menganggap manusia lain sebagai musuhnya. Berdasarkan kenyataan ini, Hobbes berpendapat bahawa kehidupan manusia adalah gelisah, ganas dan pendek.

Berdasarkan hakikat keadaan semula jadi yang sentiasa terancam ini, Hobbes berpendapat bahawa manusia akan sedar bahawa mereka perlu bertindak untuk menegakkan suasana aman dan tertib serta bertindak untuk menjaga harta benda dan nyawa masing-masing. Oleh kerana manusia juga mempunyai sifat-sifat ingin menjaga kepentingan peribadinya, maka mereka akan sanggup untuk mendatangkan perubahan kepada corak kehidupan mereka sentiasa tercabar. Hobbes seterusnya mengandai bahawa keinginan manusia untuk mencari keamanan dan kedamaian menjadi sukar. Ini akan mendorong manusia bersetuju untuk mencari jalan menyelesaikan kegelisahan tersebut. Beliau juga mengandaikan bahawa manusia akan mewujudkan institusi negara kerana ia dapat mengagihkan nilai-nilai yang terhad serta bertindak untuk memperkenalkan kepercayaan di kalangan ahli-ahli masyarakat. Memandangkan hakikat ini, Hobbes berpendapat bahawa manusia tidak mempunyai pilihan selain daripada mengadakan satu perjanjian antara satu sama lain agar dapat mewujudkan institusi negara. Hobbes mengandaikan bahawa manusia akan sanggup menyerahkan semua kuasa peribadi mereka kepada seorang yang berkecuali ataupun orang ketiga yang dilantik mereka. Orang yang dilantik itu dipanggil *Leviathan* atau *sovereign* (yang berdaulat) dan diberi sepenuh kepercayaan untuk mengendalikan segala urusan pemerintahan.

Hobbes membayangkan bahawa sovereign akan diberi kuasa mutlak atau kedaulatan peribadi individu diserahkan kepadanya. Ini juga bererti bahawa perjanjian yang diadakan itu tidak boleh ditarik balik. Rakyat pula tidak mempunyai pilihan lain kecuali mematuhi arahan sovereign dari segi pelaksanaan kuasanya, kerana apa sahaja yang dilakukan adalah untuk menjaga kepentingan anggota-anggota rakyat. Dengan kata lain sovereign tidak boleh dicabar kerana beliau sebenarnya bertindak bagi pihak rakyat untuk menjaga keamanan dan ketertiban negara. Jika kehendak sovereign tidak dipedulikan atau disingkirkan, manusia pula akan kembali kepada keadaan semulajadi yang penuh cabaran itu.

Berdasarkan hujah-hujah ini Hobbes telah menegaskan bahawa sovereign akan mempunyai kuasa mutlak dan ia tidak boleh dipersoalkan oleh mana-mana pihak. Hobbes juga menegaskan bahawa kuasa atau kedaulatan yang diserahkan kepada sovereign tidak boleh ditarik balik. Setiap individu berjanji menyerahkan semua hak asasi. Ini termasuk ke atas nyawanya. Jika seorang individu dikenakan hukuman gantung hingga mati, ini bererti orang yang dihukum itu secara sendiri telah mendatangkan akibat buruk terhadap dirinya. Dengan kata lain beliau adalah pencipta hukumannya. Sebagai tanggungjawabnya, *soverign* diamanahkan memberi sepenuh perlindungan kepada rakyat. Namun demikian mereka tidak boleh bertindak bertentangan dengan peraturan yang dikenakan oleh *soverign*. Maka persoalan yang timbul ialah setakat manakah hak asasi rakyat jelata? Untuk menjawab persoalan ini, kebebasan rakyat dapat dikesan daripada undang –undang yang tidak melarang sesuatu. Ini bererti rakyat mempunyai kuasa residual, iaitu mereka bebas melakukan apa sahaja yang tidak dilarang oleh *sovereign*.

John Locke (dalam K. Ramanathan, 1992), menegaskan bahawa kuasa dan kewibawaan raja bukan wujud secara semula jadi tetapi diamanahkan oleh rakyat jelata. Beliau mengandaikan bahawa sistem raja mutlak harus dipertanggungjawabkan oleh rakyat kerana rakyat telah memberi persetujuan mereka dalam melantik raja. Locke telah mencadangkan agar sistem pemerintahan yang ketinggalan zaman itu dihapuskan. Bagi Locke, tanpa persetujuan ramai, kewibawaan raja tidak akan wujud. Locke sebenarnya menyanjung tinggi hak-hak asasi rakyat dan bukan kewibawaan.

Beliau juga menjelaskan bahawa semua undang-undang bertujuan untuk menjaga agar harta benda tidak dirampas oleh mana-mana pihak. Locke berpendapat semua rakyat perlu bekerjasama demi mempertahankan keselamatan negara. Masyarakat secara semulajadi sememangnya aman damai. Kepentingan peribadi individu pula tidak dicerobohi oleh mana-mana pihak dan tiap-tiap individu mempunyai kuasa untuk mempertahankan kepentingan peribadinya.

Locke menerangkan bahawa dalam keadaan semulajadi manusia memang mempunyai hak-hak tertentu iaitu hak menjaga nyawanya. Hak kebebasan boleh disalah gunakan oleh manusia kerana akan wujud keadaan dimana seseorang individu akan cuba menjaga kepentingan peribadi lebih dari kepentingan masyarakat. Manusia akan menggunakan undang-undang untuk mendapatkan seberapa banyak faedah yang boleh. Manusia tetap akan berusaha untuk menjaga agar tiga kehendak semulajadi manusia dipenuhi:

- a. Perlunya satu lembaga atau badan yang dapat menetapkan peraturan atau undang-undang secara teratur dan kekal.
- b. Perlunya satu lembaga atau badan kehakiman yang berkecuali dan saksama dalam menyelesaikan konflik dan menjatuhkan hukuman yang setimpal.
- c. Perlunya satu badan atau lembaga yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang diluluskan dan juga untuk menguatkuasakan hukuman yang dijatuhkan oleh badan kehakiman.

Sebaik sahaja manusia setuju bahawa lembaga-lembaga tersebut perlu diwujudkan.

2.2.4 Parti Politik

Burke (Rodee, 1983) melihat parti politik sebagai sekumpulan manusia yang bersetuju di atas sesuatu prinsip yang membolehkan mereka berkhidmat kepada negara. Parti politik juga dapat diertikan sebagai satu kumpulan individu yang tersusun dan mempunyai hasrat untuk berkuasa. Melalui kuasa tersebut mereka akan memperolehi keuntungan dan kawalan sepenuhnya ke atas kuasa yang dimiliki.

Syed Ahmad (1995) ketika memetik definisi-definisi yang terdapat di dalam buku karya Peter B. Haris menggariskan beberapa pengertian mengenai parti politik. Antara pengertian politik ialah:

- a. Parti ialah satu badan orang-orang yang bersatu untuk bersama membina kepentingan negara melalui prinsip-prinsip tertentu yang mereka setuju bersama.
- b. Parti ialah satu kumpulan dengan penyokong-penyokongnya berpegang kepada prinsip-prinsip yang sama.
- c. Parti ialah satu kumpulan yang tersusun yang berusaha untuk menguasai kedudukan individu dan dasar sesuatu kerajaan.
- d. Parti ialah satu kumpulan kuasa yang statusnya telah dirasmikan, dan ia berfungsi sebagai sebahagian daripada rejim pemerintahan.
- e. Parti ialah organisasi tetap dan berterusan sebilangan orang yang berminat untuk menguasai kuasa atau terus menyimpannya.
- f. Parti adalah mana-mana kumpulan, walaupun tidak tersusun rapi, yang berusaha untuk memilih pemegang-pemegang jawatan kerajaan di bawah sesuatu label tertentu.

Dari segi asal-usul politik, kebanyakan parti politik bermula dengan penubuhan dewan-dewan perwakilan setelah keruntuhan institusi istana dan gereja sepertimana yang berlaku di England. Bermula dengan penubuhan dewan perwakilan, penubuhan parti telah berkembang akibat ketidakmampuan dewan perwakilan menampung jumlah keahlian yang semakin bertambah. Maka wujudlah perkumpulan parti-parti politik yang semakin besar dan mampu menampung jumlah ahli yang lebih ramai. Di Malaysia, parti-parti politik dapat dibahagikan kepada dua

yang utama iaitu parti pencadang (Barisan Nasional), yang menyokong penuh kerajaan dan juga parti pembangkang (Barisan Alternatif iaitu PAS, DAP dan keADILan).

2.2.5 Budaya Politik

Budaya politik mempunyai hubungan dengan sikap, kepercayaan dan perasaan mengenai politik semasa di dalam sesebuah negara. Budaya politik telah terbentuk dari sejarah sesebuah negara dan sentiasa melalui perubahan sosial, ekonomi dan politik. Pada umumnya, budaya politik merupakan satu set orientasi dan tingkahlaku individu secara keseluruhannya. Budaya politik mengkaji perhubungan tingkah laku politik dengan kumpulan budaya yang lebih besar dan mengkaji bagaimana amalan dan institusi politik berkembang. Budaya politik akan mempengaruhi kepimpinan individu dalam melaksanakan peranan politik yang mana bergantung kepada keperluan dan tindak balas undang-undang.

Almond dan Verba (1963), mendefinisikan budaya politik sesuatu masyarakat sebagai “secara khususnya adalah berkenaan dengan sistem politik yang diserapkan terhadap kesedaran, pengetahuan, peranan dan nilai masyarakat sebenar. Masyarakat tersebut terdiri dari mereka yang disosialisasikan terhadap peranan bukan politik dan sistem sosial”.

2.3 Kajian Lepas

Kajian Muhammad Fuad *et. al.* (2002), iaitu “Penyertaan Politik Masyarakat dalam pilihanraya : Kajian Kes Pilihan raya Umum ke Sepuluh 1999 di Negeri Johor” meninjau tahap pemahaman masyarakat tentang sistem politik khususnya di Malaysia memperlihatkan perubahan ke arah kematangan. Kematangan ini dijemakan dalam pelbagai bentuk penyertaan yang akhirnya memberi kesan kepada pola dan tren pengundian. Kajian ini melihat bentuk-bentuk penyertaan masyarakat dalam politik

pilihan raya khususnya di Johor pada tahun 1999. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah pengedaran borang soal selidik dan temubual. Hasil kajian mendapati terdapatnya beberapa faktor yang mendorong penyertaan masyarakat dalam politik pilihan raya. Kajian juga merumuskan bahawa walaupun terdapat pelbagai isu yang telah dimanipulasi oleh pihak pembangkang sepanjang tempoh berkempen sehinggalah ke hari pembuangan undi, rasa taat setia dan kepercayaan penuh pihak pengundi kepada kerajaan yang memerintah masih tidak berganjak.

Francis Loh Kok Wah (2002), menerusi kajian beliau iaitu “Politik baru di Malaysia?” merumuskan bahawa politik baru ini adalah amat jelas dalam dunia politik bukan formal khasnya di Semenanjung. Walau bagaimanapun adalah tidak jelas sama ada politik baru itu akan memmanifestasikan sendiri semula dalam dunia politik pilihan raya formal yang kemudiannya ataupun tidak.

2.4 Rumusan

Berdasarkan perbincangan kajian lepas di atas, dapatlah disimpulkan bahawa tidak banyak kajian rapat dengan sikap golongan berpotensi terhadap penyertaan dalam proses pilihan raya. Walau bagaimanapun, melalui kajian-kajian yang telah dihuraikan jelas menunjukkan masih ramai yang layak mendaftar tetapi tidak mendaftar dan mengundi. Sikap beginilah yang seharusnya dihindarkan dan memerlukan kepada suatu anjakan paradigma.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab ini membincangkan tentang metodologi kajian yang meliputi reka bentuk kajian, model kajian, persampelan, kaedah pengumpulan data dan kaedah pengalisan data.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian tinjauan bersifat deskriptif tentang sikap golongan berpotensi terhadap penyertaan mereka dalam proses pilihan raya. Soal selidik digunakan bagi tujuan pengumpulan data.

3.2 Subjek kajian dan tempat kajian

Seramai 209 orang golongan berpotensi yang tidak mendaftar sebagai pengundi pilihan raya menjadi subjek kajian. Subjek kajian ini dipilih dari kesemua daerah di Negeri Johor. Pembahagian subjek kajian mengikut daerah adalah seperti Jadual 3.1. Kaedah persampelan bukan rawak iaitu rawak kebetulan digunakan untuk mendapatkan subjek kajian.

Jadual 3.1: Pembahagian Subjek Kajian Mengikut Daerah di Negeri Johor

	Bilangan	Peratusan
Segamat	15	7.2
Muar	28	13.4
Batu Pahat	28	13.4
Kluang	23	11
Mersing	6	2.9
Kota Tinggi	18	8.6
Johor Bahru	77	36.5
Pontian	14	6.7
Jumlah	209	100

3.3 Instrumen Kajian

Soal selidik digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Soal selidik ini dibina oleh pengkaji berdasarkan maklumat yang diperolehi, daripada bahan bacaan. Terdapat lima bahagian dalam soal selidik sepertimana yang digambarkan dalam Jadual 3.2.

Jadual 3.2: Bilangan Dalam Soal Selidik

Soal Selidik	Deskripsi
Bahagian A	Latar Belakang Responden
Bahagian B	Faktor-faktor Penyebab Mereka Tidak Mendaftar
Bahagian C	Tahap Kesedaran Terhadap Hak-hak Sebagai Pengundi
Bahagian D	Kaedah Pendaftaran Terbaik

Bahagian A

Bahagian A mengandungi item-item berkaitan dengan maklumat demografi subjek kajian. Antara item-item tersebut ialah jantina, umur, tahap pendidikan, bangsa, agama, status perkahwinan, pendapatan, pekerjaan, dan tempat tinggal.

Bahagian B

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan data mengenai faktor-faktor yang menyebabkan golongan berpotensi tidak mendaftar. Terdapat empat faktor yang hendak dikaji iaitu faktor peribadi (5 item), sistem pendaftaran (2 item), infrastruktur (4 item), dan maklumat atau informasi (10 item). Selain soalan tertutup yang disediakan, setiap faktor tersebut mempunyai satu soalan terbuka. Bagi soalan tertutup, subjek kajian boleh memilih satu atau lebih item untuk menerangkan yang mereka tidak mendaftar. Manakala bagi soalan terbuka pula subjek kajian diberi kebebasan sama ada memberikan jawapan atau tidak.

Dalam bahagian ini terdapat satu item untuk mendapatkan maklumat tentang sebab-ebab tidak mendapat maklumat atau informasi tentang pendaftaran pilihan raya. Item ini menggunakan soalan terbuka.

Bahagian C

Bahagian ini bertujuan untuk mengenalpasti tanpa kesedaran golongan berpotensi terhadap sistem pilihan raya. Tiga dimensi yang hendak diukur dalam bahagian ini ialah kesedaran tentang pengetahuan, hak dan tanggungjawab. Dimensi pengetahuan mempunyai 10 item, 2 item bagi dimensi hak dan 6 item bagi dimensi tanggungjawab. Skala markat yang digunakan dalam bahagian ini ialah Ya dan Tidak. Skala Ya membawa nilai (1) dan Tidak (2).

Bahagian D

Bahagian ini bertujuan untuk mendapatkan data bagi mengenalpasti kaedah pendaftaran terbaik bagi menjalankan pendaftaran pilihan raya. Bahagian ini mengandungi dua dimensi iaitu tempat pendaftaran dan cara mendaftar. Dimensi tempat pendaftaran mengandungi 11 item dan dimensi cara mendaftar mempunyai enam item. Setiap dimensi ini diperuntukkan satu soalan terbuka

yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan subjek kajian kedua-dua dimensi tersebut. Selain soalan terbuka, digunakan juga soalan tertutup yang menggunakan skala likert lima markat seperti berikut:

- 1 : Sangat Tidak Setuju (STS)
- 2 : Tidak Setuju (TS)
- 3 : Kurang Setuju (KS)
- 4 : Setuju (S)
- 5 : Sangat Setuju (SS)

3.4 Prosedur Menjalankan Kajian

Kajian ini dijalankan di seluruh daerah di negeri Johor. Oleh kerana kawasan kajian luas, seramai 15 orang pembanci telah dilantik. Pembanci-pembanci ini diagihkan mengikut daerah. Satu sesi penerangan selama sehari kepada pembanci dijalankan sebelum kerja-kerja pemungutan data dimulakan.

Semasa menjalankan tugas pemungutan, pembanci dikehendaki menemui secara bersemuka golongan berpotensi iaitu mereka yang berumur 22 tahun hingga 40 tahun dan bertanya sama ada telah mendaftar atau belum sebagai pengundi pilihan raya. Tempat-tempat yang ditemui kebanyakannya di tempat yang menjadi tumpuan ramai seperti stesyen bas, pusat membeli belah, pasar dan sebagainya. Sesiapa yang mengakui belum mendaftar, pembanci menghulurkan soal selidik untuk mereka mengisikannya. Pembanci dikehendaki menunggu sehingga individu tersebut selesai menjawab semua item yang dikemukakan. Walau bagaimanapun terdapat juga golongan berpotensi yang tidak mendaftar ini mengambil soal selidik yang diberikan dan berjanji mengembalikan semula di hari yang berikutnya dan di tempat yang dijanjikan. Namun begitu ramai juga di antara mereka yang tidak memulangkan semua soal selidik tersebut.

3.5 Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan dengan tujuan untuk menentukan tahap ketekalan pembinaan item-item dalam soal selidik. Seramai 10 orang awam telah dipilih dalam kajian rintis ini. Data kajian rintis ini dianalisis menggunakan nilai *Alpha Cronbach*. Nilai yang menghampiri 1 adalah menunjukkan bahawa ketekalan soal selidik itu adalah tinggi (Sekaran, 2003). Semakin rendah nilai tersebut menunjukkan semakin rendah ketekalan soal selidik tersebut. Hasil kajian ini memperolehi nilai *Alpha Cronbach* 0.72. Nilai yang diperolehi ini menunjukkan soal selidik yang digunakan mempunyai ketekalan tinggi.

3.6 Penganalisisan Data

Data-data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS). Statistik deskriptif iaitu taburan kekerapan, peratusan dan kecenderungan memusat digunakan bagi menghuraikan data-data tersebut.

BAB 1V

KEPUTUSAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Bab ini menjelaskan hasil analisis. Hasil kajian ini dibentangkan mengikut objektif kajian iaitu:

- Demografi subjek kajian
- Faktor-faktor tidak mendaftar
- Tahap kesedaran terhadap sistem pilihan raya di Malaysia
- Kaedah pendaftaran terbaik

4.1 Demografi Subjek Kajian

Jadual 4.1 menunjukkan taburan demografi responden. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden adalah lelaki (55%) berbanding wanita (45%). Bagi kategori umur, peratusan paling tinggi adalah terletak pada peringkat 22 hingga 25 tahun (67.9%), diikuti oleh peringkat umur 26 hingga 29 tahun (17.7%) dan yang terendah adalah para peringkat umur 38 hingga 40 tahun iaitu (3.3%). Kebanyakan responden pula adalah berpendidikan tahap menengah (48.4%) dan berpendidikan tahap tinggi (38.8%). Walau bagaimanapun, terdapat responden berpendidikan tahap rendah (4.3%) dan tidak bersekolah (1.9%).

Jadual 4.1: Taburan Demografi Responden

Demografi	Perkara	Bilangan	Peratusan
Jantina	Lelaki	115	55
	Perempuan	94	45
Umur	22 hingga 25	142	67.9
	26 hingga 29	37	17.7
	30 hingga 33	13	6.2
	34 hingga 37	10	4.8
	38 hingga 40	7	3.3
Tahap Pendidikan	Tidak Bersekolah	4	1.9
	Sekolah Rendah	9	4.3
	SRP/PMR	20	9.6
	SPM	81	38.8
	STPM	16	7.7
	Sijil Politeknik / IKM	6	2.9
	Diploma	22	10.5
Bangsa	Ijazah	51	24.4
	Melayu	135	64.6
	Cina	59	24.2
Agama	India	15	7.2
	Islam	135	64.6
	Buddha	54	25.8
	Hindu	13	6.2
	Kristian	5	2.4
Status	Lain-lain	2	1
	Bujang	145	69.4
	Berkahwin	63	30.1
Pendapatan	Duda/Janda	1	0.5
	RM500 ke bawah	57	27.3
	RM501 hingga RM1000	87	41.6
	RM1001 hingga RM1500	29	13.9
	RM1501 hingga RM2000	21	10.0
	RM2001 hingga RM2500	3	1.4
	RM2501 hingga RM3000	5	2.4
RM3001 ke atas	7	3.3	
Tempat tinggal	Bandar	112	53.6
	Luar Bandar	97	46.4

Bagi kategori bangsa, majoriti responden adalah berbangsa Melayu (64.6%), diikuti bangsa Cina (28.2%) dan bangsa India (7.2%). Majoriti subjek kajian adalah penganut agama Islam (64.6%), diikuti agama Buddha (25.8%), agama Hindu (6.2%), agama Kristian (2.4%) dan 1.0% agama lain.

Dari segi status perkahwinan pula didapati 69.4% responden adalah bujang, berbanding 30.1% dan 0.5% yang masing-masing berkahwin dan janda. Bagi aspek pendapatan, 68.4% responden berpendapatan RM1000 dan ke bawah. Manakala 25.8% berpendapatan RM1001 hingga RM2000 dan bakinya 5.8% melebihi RM2001. Lebih separuh daripada responden menetap di bandar (53.6%) dan selebihnya menetap di kawasan luar bandar (46.4%).

4.2 Faktor-faktor Tidak Mendaftar

Empat faktor tidak meransang subjek kajian mendaftar sebagai pengundi yang diukur dalam kajian ini ialah faktor peribadi, sistem pendaftaran, infrastruktur dan sebarangan maklumat/informasi.

4.2.1 Faktor Peribadi

Jadual 4.2 menunjukkan faktor peribadi yang menyebabkan golongan berpotensi tidak mendaftar sebagai pengundi pilihan raya.

Jadual 4.2 : Taburan sebab-sebab tidak mendaftar mengikut faktor peribadi

Faktor peribadi	Bilangan	Peratus
Tidak kisah/tidak ambil peduli	56	26.8
Sibuk bekerja	124	59.3
Tidak minat	52	24.9
Sibuk dengan urusan keluarga	35	16.7
Tiada kemudahan untuk pergi mendaftar	34	16.3

Hasil kajian menunjukkan sibuk bekerja (59.3%) adalah faktor yang paling menonjol yang menyebabkan golongan berpotensi ini tidak mendaftar. Faktor-faktor lain yang meransang golongan berpotensi tidak berdaftar sebagai pemilih, ialah tidak kisah/ambil peduli (26.8%), tidak minat (24.9%), sibuk dengan urusan keluarga (16.7%), dan tiada kemudahan untuk pergi mendaftar (16.3%).

Jadual 4.3 menunjukkan taburan faktor lain untuk faktor peribadi.

Jadual 4.3: Taburan sebab-sebab lain bagi faktor peribadi

Sebab-sebab lain	Kekerapan	Peratusan
Tak tahu bila hendak mendaftar	1	4.76
Tidak jelas dengan proses pendaftaran	1	4.76
Belum berkesempatan	4	19.05
Keliru kerana menyangka bahawa automatik telah mendaftar	1	4.76
Kurang maklumat	2	9.52
Bekerja di Singapura dan hanya pulang bercuti	1	4.76
Terlupa tiada yang memberitahu	2	9.52
Tiada masa sebab menjaga anak di rumah	1	4.76
Tidak puashati dengan negara	2	9.52
Waktu bekerja tidak dibenarkan keluar	1	4.76
Belajar	5	23.81

4.2.2 Faktor Sistem Pendaftaran

Sebab-sebab tidak mendaftar mengikut faktor sistem pendaftaran adalah seperti dijelaskan dalam jadual 4.4.

Jadual 4.4 : Taburan jawapan bagi faktor sistem pendaftaran

Faktor sistem pendaftaran	Bilangan	Peratus
Kerana perlu hadir sendiri ke tempat pendaftaran	139	66.5
Pendaftaran mengikut alamat kad pengenalan	106	50.7
Sebab-sebab lainh	9	4.3

Berdasarkan jadual di atas, majoriti (66.5%) responden bersetuju bahawa perlu hadir sendiri ke tempat pendaftaran merupakan sebab mereka tidak mendaftar berbanding 50.7% memberi alasan pendaftaran pemilih dibuat mengikut alamat sebagaimana kad pengenalan.

Bagi sebab-sebab lain untuk faktor tidak mendaftar disebabkan sistem pendaftaran boleh dilihat pada jadual 4.5.

Jadual 4.5 : Taburan sebab-sebab lain bagi faktor sistem pendaftaran

Bil.	Sebab-sebab lain	Kekerapan	Peratusan
1.	Tiada masa dan tiada tempat mendaftar di tempat tinggal	5	55.5
2.	Tiada maklumat jelas tentang tempat mendaftar	1	11.11
3.	Tiada keinginan	3	33.33

4.2.3 Faktor Infrastruktur

Jadual 4.6 : Taburan jawapan bagi faktor infrastruktur

Faktor infrastruktur	Bilangan	Peratus
Jarak ke tempat pendaftaran jauh	65	31.1
Terpaksa beratur	86	41.1
Terpaksa menunggu lama	111	53.1
Pendaftaran hanya di tempat tertentu sahaja (Pejabat Pos, Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya)	99	47.7
Sebab-sebab lain	5	2.4

Jadual 4.6 menunjukkan taburan jawapan bagi faktor infrastruktur. Lebih separuh (53.1%) responden bersetuju bahawa terpaksa menunggu lama ketika pendaftaran diproses merupakan sebab mereka tidak mendaftar. Sebab pendaftaran hanya di tempat-tempat tertentu sahaja (Pejabat Pos, Pejabat Suruhanjaya Pilihanraya) merupakan faktor infrastruktur kedua yang menyebabkan mereka (tidak mendaftar 47.7%), ini diikuti oleh sebab terpaksa beratur (41.1%) dan sebab jarak ke tempat pendaftaran jauh (31.1%). Sebab-sebab lain bagi faktor infrastruktur boleh dilihat pada jadual 4.7.

Jadual 4.7 : Sebab-sebab lain tidak mendaftar bagi faktor infrastruktur

Bil.	Sebab-sebab lain	Kekerapan	Peratusan
1.	Tidak puashati dengan pemimpin negara	1	100

4.2.4 Faktor Maklumat/Informasi

Jadual 4.8 menunjukkan sebab golongan berpotensi tidak mendaftar sebagai pengundi pilihan raya bagi faktor maklumat/informasi. Faktor sebab tidak tahu kaedah/ cara mendaftar (36.4%) dan sebab tiada siapa datang memberitahu/ mencadangkan supaya pergi mendaftar (36.4%) merupakan sebab utama golongan berpotensi ini tidak mendaftar bagi faktor maklumat/ informasi. Faktor tidak tahu tarikh daftar (35.4%), tidak tahu di mana boleh mendaftar (33%), tidak tahu kepentingan mendaftar (25.8%) tidak tahu adanya kempen pendaftaran pemilih (23%), dan keliru (dengan menganggap mendaftar sebagai ahli parti politik adalah berdaftar secara automatik sebagai pemilih (24.4%) adalah faktor-faktor yang tidak menggalakkan responden pergi mendaftar. Selain itu sebab tidak tahu mengisi borang (12.4%) merupakan peratusan terendah bagi faktor maklumat/ informasi.

Jadual 4.8 : Taburan faktor maklumat/ informasi

Faktor maklumat/informasi	Bilangan	Peratus
Tidak tahu tarikh daftar	74	35.4
Tidak tahu syarat dan kelayakan daftar	34	16.3
Tidak tahu dimana boleh mendaftar	69	33
Tidak tahu kaedah/ cara mendaftar	76	36.4
Tidak tahu mengisi borang	26	12.4
Tidak siapa datang memberitahu/ mencadangkan kepada saya supaya pergi mendaftar	76	36.4
Tidak tahu kepentingan mendaftar	54	25.8
Tidak tahu adanya kempen pendaftaran pemilihan	48	23
Keliru (dengan menganggap mendaftar sebagai ahli parti politik adalah berdaftar secara automatik sebagai pemilih)	51	24.4
Sebab-sebab lain	7	3.3

Jadual 4.9 menunjukkan sebab-sebab tidak mendapat faktor maklumat/informasi

Jadual 4.9 : Taburan sebab-sebab tidak mendapat maklumat/ informasi

Sebab-sebab lain	Kekerapan	Peratusan
Sibuk bekerja	44	27.67
Tidak tahu bagaimana hendak mendapatkan maklumat	3	1.89
Tiada keinginan untuk tahu/ Tak ambil peduli	14	8.81
Bekerja di luar Malaysia	1	1.69
Tiada minat	15	3.14
Kurang pendedahan/maklumat	24	15.09
Faktor keluarga	3	1.89
Apakah yang kami dapat jika kami mendaftar sebagai pemilih	2	1.26
Kurang ambil tahi tentang politik	4	2.52
Duduk jauh dari bandar	4	2.52
Menyangka pendaftaran secara automatik tanpa perlu pergi mendaftar	3	1.89
Kurang ambil berat tentang perkembangan semasa	3	1.89
Kerana kurang pemahaman	2	1.26
Informasi yang dikeluarkan tidak secara meluas	4	2.52
Hanya dapat tahu dari orang lain	1	1.69
Sibuk belajar	4	2.52
Kurang membaca surat khabar/ tidak membaca surat khabar	10	6.29
Kurang iklan di lokasi pendaftaran	1	1.69
Tidak bercampur masyarakat	1	1.69
Calon tidak turun padang	1	1.69
Kurang kempen	12	7.55
Terlupa	3	1.89

4.3 Tahap Kesedaran Golongan Berpotensi Tidak Mendaftar

Terdapat tiga faktor utama yang dikenalpasti sebagai faktor-faktor orang tidak mendaftar terhadap sistem pilihan raya di Malaysia iaitu pengetahuan, hak dan tanggungjawab.

4.3.1 Faktor Pengetahuan

Jadual 4.10 menunjukkan tahap kesedaran golongan berpotensi yang tidak mendaftar bagi faktor pengetahuan. Hasil kajian menunjukkan bahawa 73.7% subjek kajian menyatakan mereka tahu yang mereka layak mendaftar. Hanya 26.3% sahaja menyatakan tidak. Apabila melihat pengetahuan responden tentang kelayakan mengundi, hampir keseluruhan (90.9%) mengetahui yang mereka layak mengundi. Begitu juga pengetahuan responden tentang kelayakan mendaftar, 93.8% mengetahui yang mereka adalah layak mendaftar. Apabila melihat pengetahuan responden tentang perlunya mereka hadir ke tempat pendaftaran, 91.9% adalah mengetahuinya.

Jadual 4.10: Taburan jawapan bagi faktor pengetahuan

Faktor Pengetahuan		Ya	Tidak
Saya tidak tahu yang saya layak mendaftar	K	55	154
	%	26.3	73.7
Saya hanya layak mengundi jika saya seorang yang mendaftar	K	190	19
	%	90.9	9.1
Setiap warganegara yang berumur 21 tahun ke atas layak mendaftar	K	196	13
	%	93.8	6.2
Saya perlu hadir ke tempat pendaftaran untuk mendaftar	K	192	17
	%	91.9	8.1
Pendaftaran tidak dibuat sepanjang tahun	K	131	78
	%	62.7	37.3
Pendaftaran dibuat di pejabat pos sepanjang tahun	K	99	108
	%	47.4	51.7
Saya tahu yang wakil rakyat dipilih menerusi pilihanraya	K	188	21
	%	90	10
Saya tahu saya mempengaruhi jumlah undi dalam pilihanraya	K	189	20
	%	90.4	9.6
Saya perlu mendaftar mengikut alamat kad pengenalan	K	171	38
	%	81.8	18.2
Saya sedari bahawa hanya warganegara dan pemastautin tetap sahaja layak mengundi	K	195	14
	%	93.3	6.7

Apabila ditanya tentang pemilihan wakil rakyat, 90% mengakui yang mereka tahu bahawa wakil rakyat adalah dipilih menerusi pilihan raya. Begitu juga seramai

90.4% responden mengakui yang undi mereka mempengaruhi jumlah undi dalam pilihan raya.

Oleh kerana lebih separuh daripada responden (62.7%) mengetahui bahawa pendaftaran tidak dibuat sepanjang tahun. Justeru itu 51.7% responden tidak mengetahui yang pendaftaran boleh dibuat di Pejabat Pos. Hanya 48.3% sahaja mengetahui Pejabat Pos adalah salah satu tempat pendaftaran yang dibuka sepanjang tahun. Walau bagaimanapun, 81.8% responden menyatakan yang mereka tahu perlu mendaftar mengikut alamat sebagaimana kad pengenalan. Begitu juga 93.3% mengetahui bahawa hanya warganegara dan pemastautin tetap sahaja layak mengundi.

4.3.2 Faktor hak

Jadual 4.11 adalah memaparkan kesedaran responden tentang hak mereka mendaftar sebagai pengundi. Dari jadual 4.11 menunjukkan majoriti responden 99.3% mengetahui yang mereka berhak mengundi apabila telah mendaftar. Hanya 5.7% sahaja mengatakan tidak.

Jadual 4.11: Taburan jawapan bagi faktor hak

Faktor Pengetahuan		Ya	Tidak
Saya berhak mengundi apabila mendaftar	K	195	12
	%	93.3	5.7
Saya berhak mengundi setiap kali pilihan raya	K	201	8
	%	96.2	3.8

Seramai 201 (96.2%) responden bersetuju bahawa mereka mengetahui hak mereka mengundi setiap kali pilihan raya. Hanya seramai 8 (3.8%) responden mengatakan mereka tidak mengetahui bahawa mereka berhak mengundi setiap kali pilihan raya.

4.3.3 Faktor Tanggungjawab

Bagi faktor tanggungjawab, sebanyak 6 item diukur untuk mengetahui tanggungjawab golongan berpotensi yang tidak mendaftar terhadap pilihan raya. Seramai 92.3% daripada subjek kajian menyatakan bahawa mereka akan mengundi dalam pilihan raya akan datang, manaka 90.4% akan mendaftar sebagai pemilih dan 95.7% menyifatkan warganegara yang mengundi adalah bertanggungjawab kepada negara. Walaupun seramai 90.9% responden mengakui bahawa mereka adalah penentu masa depan negara dan 89% menyatakna merekalah yang akan menjadi penentu kepada kepimpinan negara tetapi hanya 63.2% mengakui yang mereka peduli terhadap siapa yang memerintah.

Jadual 4.12 : Taburan jawapan bagi faktor tanggungjawab

Faktor Tanggungjawab		Ya	Tidak
Saya akan mengundi dalam pilihan raya akan datang	K	193	16
	%	92.3	7.7
Saya akan mendaftar sebagai pemilih	K	189	19
	%	90.4	9.1
Warganegara yang mengundi adalah bertanggungjawab pada negara	K	200	8
	%	95.74	3.8
Saya tidak kisah siapa yang memerintah	K	77	132
	%	36.8	63.2
Saya penentu masa depan negara	K	190	19
	%	90.9	9.1
Saya penentu pemimpin negara	K	186	23
	%	89	11

4.4 Kaedah Pendaftaran Terbaik

Bahagian D soal selidik adalah bahagian untuk kaedah pendaftaran terbaik. Soalan ini terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu tempat dan cara mendaftar. Taburan skor ditunjukkan dalam bentuk kekerapan, peratus dan skor min.

4.4.1 Tempat

Jadual 4.13 menunjukkan taburan kekerapan, peratus dan skor min bagi tempat pendaftaran pengundi pilihan raya. Berdasarkan jadual 4.13, didapati bahawa min skor tertinggi bagi tempat pendaftaran adalah balai raya (4.06) diikuti oleh kaunter bergerak (4.0), pejabat pos (3.9), balai penghulu (3.61), Suruhanjaya pilihan raya (3.59), pejabat daerah (3.38), rumah ketua kampung (3.29), pusat membeli belah (3.27), dan majlis perbandaran/ majlis daerah (3.12). Terdapat beberapa tempat yang memperoleh skor min yang rendah iaitu bank (2.25), pasar tani/ pasar malam (2.04), rumah ibadat (1.96) dan hospital (1.74).

Jadual 4.13: Taburan kekerapan, peratus dan skor min bagi tempat untuk mendaftar

Bil.	Tempat		STS	TS	KS	S	SS	Min
1.	Balai Raya	(K)	3	12	29	91	74	4.06
		%	1.4	5.7	13.9	43.5	35.4	
2.	Kaunter Bergerak	(K)	12	15	21	73	88	4.0
		%	5.7	7.2	10	34.9	42.1	
3.	Pejabat Pos	(K)	5	18	27	10	58	3.9
		%	2.4	8.6	12.9	48.3	27.8	
4.	Balai Penghulu	(K)	11	21	53	78	46	3.61
		%	5.3	10	25.4	37.3	22	
5.	Suruhanjaya Pilihanraya (SPR)	(K)	23	20	30	82	54	3.59
		%	11	9.6	14.4	39.2	25.8	
6.	Pejabat Daerah	(K)	12	28	66	73	29	3.38
		%	5.7	13.4	31.6	34.9	13.9	
7.	Rumah Ketua Kampung	(K)	20	39	50	58	41	3.29
		%	9.6	18.7	23.9	27.8	19.6	
8.	Pusat Membeli belah	(K)	35	33	39	43	58	3.27
		%	16.7	15.8	18.7	20.6	27.8	
9.	Majlis Perbandaran / Majlis Daerah	(K)	27	33	53	79	17	3.12
		%	12.9	15.8	25.4	37.8	8.1	
10.	Bank	(K)	78	55	43	12	21	2.25
		%	37.3	26.3	20.6	5.7	10	
11.	Pasar tani / Pasar malam	(K)	107	37	31	17	17	2.04
		%	51.2	17.7	14.8	8.1	8.1	
12.	Rumah Ibadat	(K)	109	36	39	14	11	1.96
		%	52.2	17.2	18.7	6.7	5.3	
13.	Hospital	(K)	128	33	30	10	8	1.74
		%	61.2	15.8	14.4	4.8	3.8	

Jadual 4.14 menunjukkan tempat-tempat lain yang dicadangkan oleh responden untuk dijadikan tempat pendaftaran.

Jadual 4.14 : Tempat-tempat lain yang dicadangkan oleh responden untuk tempat pendaftaran

Bil.	Tempat	Kekerapan	Peratusan
1.	Sekolah	12	29.27
2.	Stesen Minyak Terpilih	1	2.44
3.	Tempat Kerja	5	12.20
4.	Perhentian Bas / Teksi	2	4.88
5.	Stesen Keretapi	1	2.44
6.	Lapangan Terbang	2	4.88
7.	Dewan Serbaguna	1	2.44
8.	Kawasan Perindustrian	1	2.44
9.	Bergerak ke Setiap Rumah	6	14.63
10.	Kampus Universiti / Kolej	5	12.20
11.	Tempat Makan	1	2.44
12.	Kawasan Perkelahan	1	2.44
13.	Restoran 24 jam	1	2.44
14.	Badan-Badan Persatuan	1	2.44
15.	Parking Awam	1	2.44

4.4.2 Cara Mendaftar

Cara mendatar terbahagi kepada dua bahagian iaitu cara sedia ada dan cadangan cara lain.

4.4.2.1 Cara Sedia Ada

Jadual 4.15: Taburan kekerapan, peratus dan Skor Min bagi cara sedia ada

Bil.	Cara sedia ada		STS	TS	KS	S	SS	Min
1.	Hadir sendiri	(K)	16	7	32	108	45	3.76
		%	1.4	5.7	13.9	43.5	35.4	
2.	Pendaftaran mengikut alamat kad pengenalan	(K)	22	23	49	66	48	3.46
			10.5	11	23.4	31.6	23	

Daripada Jadual 4.15, dapatan kajian menunjukkan seramai 108 responden atau 51.7% setuju untuk hadir sendiri untuk mendaftar dan 45 responden atau 21.6% sangat setuju untuk hadir sendiri bagi mendaftar. Seramai 55 responden kurang bersetuju untuk hadir sendiri. Akan tetapi hanya 16 orang sangat tidak setuju dan 7 orang tidak setuju. Skor min keseluruhan bagi item ini ialah 3.76/

Lebih separuh daripada responden setuju pendaftaran dilakukan mengikut alamat kad pengenalan iaitu seramai 114 responden yang mewakili 54.6% dan baki 55.4% tidak bersetuju pendaftaran mengikut alam kad pengenalan. Seramai 22 responden (10.5%) sangat tidak setuju diikuti oleh 23 responden tidak setuju dan 49 responden kurang setuju pendaftaran mengikut alamat kad pengenalan. Skor min keseluruhan bagi item ini ialah 3.46.

4.4.2.2 Cadangan Cara Lain

Sebanyak 4 cara telah dicadangkan di dalam soal selidik untuk mendapat perhatian responden. Keputusan kajian dipaparkan pada Jadual 4.16.

Jadual 4.16: Taburan kekerapan, peratus dan Skor Min bagi cadangan cara lain

Bil.	Cadangan cara lain		STS	TS	KS	S	SS	Min
1.	Komputer/internet	(K)	9	7	17	76	100	4.2
		%	4.3	3.3	8.1	36.4	47.8	
2.	Pendaftaran secara automatik	(K)	20	10	31	51	95	3.92
			9.6	4.8	14.8	24.4	45.5	
3.	Surat (melalui pos)	(K)	24	30	57	59	38	3.27
			11.5	14.4	27.3	28.2	18.2	
4.	Boleh diwakilkan	(K)	49	31	46	46	36	2.95
			23.4	14.8	22	22	17.2	

Berdasarkan jadual tersebut, pendaftaran menggunakan komputer / internet menunjukkan skor min tertinggi 4.2, diikuti oleh pendaftaran secara automatik 3.92, surat (melalui pos) 3.27 dan boleh diwakilkan 2.95.

Selain dari 4 cara yang telah dibincangkan di atas, terdapat ruangan cara-cara lain untuk responden menuliskan cadangan bagi cara mendaftar. Jadual 4.17 menunjukkan cadangan cara lain yang telah dicadangkan oleh responden untuk mendaftar sebagai pemilih.

Jadual 4.17 : Cadangan lain untuk cara mendaftar sebagai pemilih

Bil.	Tempat	Kekerapan	Peratusan
1.	Secara SMS (Sistem Pesanan Ringkas)	5	62.5
2.	Panggilan Telefon	1	12.5
3.	AJK Kampung	1	12.5
4.	Secara Paksa Apabila Sudah Berumur 21 tahun	1	12.5

BAB V

PERBINCANGAN

5.0 Pengenalan

Bab ini merumus dan membincangkan hasil kajian yang meliputi profil mereka yang layak mendaftar tetapi belum mendaftar, faktor-faktor yang menyebabkan mereka yang layak mendaftar sebagai pemilih tetapi tidak mendaftar, tahap kesedaran golongan berpotensi yang tidak mendaftar dalam proses pilihan raya terhadap hak-hak mereka sebagai pengundi dan kaedah pendaftaran pemilih yang terbaik mengikut persepsi responden. Berikut adalah rumusan dan perbincangan kajian ini.

5.1 Objektif Pertama

Rumusan yang didapati ialah terdapat kedua-dua jantina, pelbagai peringkat umur, pelbagai tahap pendidikan, wujud ketiga-tiga bangsa, terdapat pelbagai agama, meliputi semua status perkahwinan dan meliputi penduduk bandar dan luar bandar.

Ini menunjukkan bahawa tidak ada ciri-ciri profil khusus di kalangan rakyat Malaysia yang dapat menjelaskan tentang mengapa golongan berpotensi belum mendaftar. Mereka berkongsi kesejagatan budaya yang meliputi budaya kecil atau *subculture* seperti tidak endah, tidak peduli atau mewakili kepada orang lain untuk membuat keputusan. (Ting Chew Peh, 1993).

5.2 Objektif Kedua

- a. Meliputi keempat-empat faktor iaitu peribadi, sistem pendaftaran, infrastruktur dan maklumat / informasi

Dalam faktor peribadi, tiga sebab yang paling dominan ialah sibuk bekerja, tidak kisah atau tidak ambil peduli dan tidak minat. Dapatan ini menunjukkan bahawa mereka ini lebih memberi keutamaan kepada kepentingan peribadi berbanding dengan kepentingan kepada negara. Sibuk bekerja bukanlah alasan yang kukuh untuk tidak mendaftar dalam jangka masa panjang, misalnya dua hingga sepuluh tahun. Selain daripada itu, tiada kemudahan untuk pergi mendaftar dan sibuk dengan keluarga juga menjadi alasan untuk tidak mendaftar. Walau bagaimanapun, faktor peribadi tidaklah menjadi faktor yang dominan untuk menjelaskan mengapa golongan yang berpotensi tidak mendaftar kerana peratusan yang rendah terhadap sebab-sebab yang diberikan kecuali sibuk bekerja. (Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub, 2002). Oleh itu rakyat Malaysia perlu menimbangkan sumbangan mereka kepada negara dan bukannya mementingkan apa yang negara sumbang kepada mereka.

Responden juga bersetuju dengan kedua-dua corak pendaftaran iaitu perlu hadir sendiri ke tempat pendaftaran dan pendaftaran mengikut alamat kad pengenalan.

Faktor infrastruktur yang paling dominan ialah terpaksa menunggu lama, pendaftaran hanya di tempat tertentu dan terpaksa beratur. Sebab-sebab ini seolah-olah menunjukkan mereka memerlukan layanan yang khusus untuk menjalankan tanggungjawab mereka sendiri. Ini menunjukkan sikap mereka yang kurang sabar, tidak sanggup berkorban dan pentingkan diri sendiri.

Empat sebab yang paling ketara dalam faktor maklumat atau informasi ialah tidak tahu kaedah atau cara mendaftar, tiada individu yang memberi galakan, tidak tahu tarikh mendaftar dan tidak tahu dimana boleh mendaftar. Ini menyebabkan

mereka kekurangan maklumat sehingga menyebabkan mereka tidak mendaftar (Habibah Elias & Noran Fauziah Yaakub, 2002).

5.3 Objektif Ketiga

5.3.1 Pengetahuan

Rumusan yang didapati ialah:

- a. Tahap kesedaran diukur dari segi pengetahuan, hak dan tanggungjawab. Tiga tahap pengetahuan yang paling menonjol ialah setiap warganegara yang berumur 21 tahun ke atas layak mendaftar, warganegara dan pemastautin tetap layak mengundi dan perlu hadir ke tempat pendaftaran untuk mendaftar.
- b. Secara keseluruhan, tahap pengetahuan responden adalah di tahap tinggi. Daripada kesemua sepuluh soalan yang dikemukakan, didapati mereka mempunyai pengetahuan mengenai sistem pilihan raya di Malaysia melalui pendidikan, pergaulan dan media seperti akhbar, pamflet, televisyen dan radio.

5.3.2 Hak

Rumusan yang didapati ialah:

- a. Responden sedar hak-hak mereka dalam pilihan raya.
- b. Kesedaran terhadap hak mereka adalah di tahap tinggi

Golongan yang berpotensi sedar akan hak-hak dalam pilihan raya tetapi tidak menggunakan hak mereka. Menurut Locke (dalam K. Ramanathan, 1992) setiap individu diberi kebebasan untuk mengundi, namun hak ini tidak digunakan sepenuhnya oleh golongan berpotensi.

5.3.3 Tanggungjawab

Rumusan yang didapati ialah:

- a. Responden sedar hak-hak mereka dalam pilihan raya. Tiga kesedaran yang paling dominan ialah warganegara yang mengundi adalah bertanggungjawab kepada negara, akan mengundi dalam pilihan raya akan datang dan mereka adalah penentu pada masa depan negara. Secara keseluruhan golongan berpotensi sedar akan tanggungjawab mereka terhadap pilihan raya walaupun belum lagi menunaikannya sedangkan kerana menyertai pilihan raya merupakan tanggungjawab universal dimana-mana negara di dalam dunia yang mengamalkan sistem demokrasi secara pilihan raya.
- b. Kesedaran terhadap tanggungjawab mereka adalah di tahap tinggi. Rumusan tahap kesedaran orang yang tidak mendaftar dalam sistem pilihan raya di Malaysia adalah di tahap tinggi. Golongan berpotensi ini sedar akan tanggungjawab mereka walaupun belum melaksanakan tanggungjawab mereka.

5.4 Objektif Keempat

Kaedah pendaftaran dikaji berdasarkan dua faktor iaitu tempat dan cara mendaftar.

- a. Lima tempat yang paling sesuai mengikut pilihan golongan berpotensi bagi pendaftaran pilihan raya, mengikut tertib ialah balairaya, kaunter bergerak, pejabat pos, balai penghulu dan pejabat SPR. Walau bagaimanapun terdapat pendaftaran tempat lain yang dicadangkan seperti:

Bil.	Tempat	Kekerapan	Peratusan
1.	Sekolah	12	29.27
2.	Stesen Minyak Terpilih	1	2.44
3.	Tempat Kerja	5	12.20
4.	Perhentian Bas / Teksi	2	4.88
5.	Stesen Keretapi	1	2.44
6.	Lapangan Terbang	2	4.88
7.	Dewan Serbaguna	1	2.44
8.	Kawasan Perindustrian	1	2.44
9.	Bergerak ke Setiap Rumah	6	14.63
10.	Kampus Universiti / Kolej	5	12.20
11.	Tempat Makan	1	2.44
12.	Kawasan Perkelahan	1	2.44
13.	Restoran 24 jam	1	2.44
14.	Badan-Badan Persatuan	1	2.44
15.	Parking Awam	1	2.44

Bagi cara mendaftar pula, didapati mereka bersetuju dengan cara yang telah sedia ada iaitu hadir sendiri dan didaftarkan mengikut alamat sebagaimana kad pengenalan. Cara lain yang dicadangkan ialah pendaftaran melalui komputer atau internet, pendaftaran secara automatik apabila berumur 21 tahun dan melalui pos. Cadangan ini meliputi aspek teknologi undang-undang dan komunikasi sedia ada. Terdapat juga cara lain yang dicadangkan oleh responden iaitu:

Bil.	Tempat	Kekerapan	Peratusan
1.	Secara SMS (Sistem Pesanan Ringkas)	5	62.5
2.	Panggilan Telefon	1	12.5
3.	AJK Kampung	1	12.5
4.	Secara Paksa Apabila Sudah Berumur 21 tahun	1	12.5

5.5 Objektif yang Kelima

- a. Bagi pernyataan saya akan mendaftar sebagai pemilih dapatan kajian adalah merujuk kepada crosstab bangsa dan jantina seperti di bawah:

		C13		Total
		YA	TIDAK	
BANGSA	Melayu	144	7	151
	Cina	37	8	45
	India	12	1	13
Total		193	16	209

		C13		Total
		YA	TIDAK	
JANTINA	Lelaki	104	10	114
	Perempuan	88	6	94
Total		192	16	208

		C14		Total
		YA	TIDAK	
BANGSA	Melayu	143	8	151
	Cina	33	11	45
	India	13	0	13
Total		189	19	208

		C14		Total
		YA	TIDAK	
JANTINA	Lelaki	105	9	114
	Perempuan	83	10	93
Total		188	19	207

5.6 Cadangan

- 5.6.1 Pendaftaran juga perlu dijalankan pada hari tidak bekerja seperti cuti umum dan di luar waktu bekerja supaya mereka yang sibuk bekerja dapat pergi mendaftar.
- 5.6.2 Kempen pendaftaran pemilih perlu dipergiatkan melalui media elektronik dan media cetak supaya maklumat sampai kepada golongan berpotensi.
- 5.6.3 Pendaftaran boleh dibuat oleh institusi dalam masyarakat seperti penghulu dan ketua kampung.
- 5.6.4 Pendidikan pilihan raya perlu diterapkan di sekolah dan pusat pengajian tinggi agar warganegara Malaysia memahami tanggungjawab menyertai proses pilihan raya dengan berkesan.

BIBLIOGRAFI

Almond, Gabriel A. And Sidney Verba, (1963). *The Civic Culture*. Princeton: Princeton University Press.

Berita Harian, 10 Julai 2002.

Eagly, Alice H., and Chaiken, Shelly (1993), *The Psychology of Attitudes*, Orlando, FL: Harcourt Brace Jovanovich, Inc.

Easton, D. (1965). *A Framework of Political Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.

Fishbein, M., & Ajzen, I. (1975). *Beliefs, Attitude, Intention and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.

Loh Kok Wah, Francis (2002). *Politik Baru di Malaysia*. Syarahan Perlantikan Profesor, USM.

Mohd Feroz Abu Bakar, *Kurang Publisiti Punca Ramai Tidak Daftar*, Berita Harian 4 Mac 2004, ms. 13.

Muhammad Fuad Othman, Zaheruddin Othman, Jamaludin Mustafa (2002). *Penyertaan Politik Masyarakat Dalam Pilihanraya: Kajian Kes Pilihanraya Umum Ke Sepuluh 1999 di Negeri Johor*, UUM.

Rodee, et. al., (1983). *Introduction To Political Science*. Fourth edition, Singapore: McGraw Hill.

Syed Ahmad, H. (1995). *Pengantar Sains Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pendidikan Jarak Jauh, USM.

Thurstone, L. (1931). *The Measurement of Social Attitudes*. In M. Fishbein (Ed.), *Readings in Attitude Theory and Measurement* (pp. 14-25). New York: John Wiley & Sons. Inc.

Uma Sekaran (2003). *Research Methods For Business: A Skill Building Approach* Fourth Edition. US: John Wiley and Sons, Inc.

<http://www.spr.gov.my>

<http://bensguide.gpo.gov/9-12/election/registration.thml>

<http://www.sholastic.com>